

22 NOV 1999

Razaleigh-Kelantan

RM4 BILION UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN DI KELANTAN

TUMPAT, 22 Nov (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berjanji untuk memohon peruntukan sebanyak RM4 bilion daripada kerajaan pusat bagi pelbagai projek pembangunan di Kelantan apabila Barisan Nasional (BN) berjaya membentuk kerajaan di negeri ini selepas pilihan raya umum ke-10 ini.

Beliau berkata permohonan itu akan dibuat terus kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diyakini berjaya menerajui kerajaan pusat di bawah BN selepas pilihan raya umum ini.

Antara projek pembangunan itu ialah kemudahan infrastruktur dan sebuah universiti yang sangat-sangat diperlukan oleh rakyat Kelantan, kata calon BN bagi kerusi Parlimen Gua Musang itu kepada pengundi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pasir Pekan di sini, hari ini.

Calon BN di DUN Pasir Pekan ialah Mohamad Sulaiman manakala pencabarnya ialah calon PAS Ahmad Yakob.

"Dr Mahathir telah diberi taklimat mengenai Universiti Kelantan Darul Naim, yang akan ditubuhkan sebaik sahaja BN memenangi pilihan raya umum ini," katanya.

Tengku Razaleigh berkata semua projek pembangunan yang akan dilaksanakan itu adalah untuk kesenangan rakyat yang selama ini ketinggalan akibat ketidakmampuan kerajaan negeri pimpinan PAS.

"Ambo (saya) janji hendak bangun Kelantan supaya rakyat hidup senang...PAS ternyata gagal menyediakan kehidupan yang lebih sempurna kepada rakyat sepanjang memerintah negeri ini sejak 1990," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat menolak PAS dan memberi peluang kepada BN yang terbukti berkemampuan memerintah negeri dan negara.

"Kita tolak PAS bukan kerana perasaan benci atau dengki tetapi kerana PAS tidak buat apa satu untuk rakyat dan negeri," katanya.

Sementara itu ketika berucap kepada pengundi DUN Wakaf Baharu dekat sini, Tengku Razaleigh berkata usaha akan terus dilakukan untuk menyatukan rakyat yang selama ini berpecah akibat perbuatan PAS.

Katanya perpecahan seperti melalui perbuatan sembahyang dua imam dan pemuluan kenduri orang Umno, ternyata merugikan rakyat dalam pelbagai bidang kerana tiada permuafakatan.

-- BERNAMA

BD RON